

WANITA UMNO PILIH CALON2

KOTA TINGGI, Jumaat — Pergerakan Wanita Umno menghantar senarai nama ahli yang difikirkan layak bertanding dalam pilihanraya umum akan datang di Ibu Pejabat Umno.

Naib Ketua Pergerakan itu, Datin Paduka Rafidah Aziz yang menyatakan perkara tersebut hari ini m e n a m b a h , bagaimanapun pergerakan itu tidak akan "Memeras ugut pucuk pimpinan untuk menambah bilangan

calon-calon kami."

"Memang hasrat kami supaya lebih ramai ahli wanita dicalonkan di pilihanraya umum kelak tetapi ini terpulang kepada pucuk pimpinan Umno membuat keputusan," katanya kepada para pemberita di sini.

Kekal

Mengenai jawatan ketua pergerakan itu, Datin Paduka Rafidah berkata, beliau hanya akan bertanding jika terdapat calon-calon

lain menandangi ketua sekarang, Datin Paduka Aishah Ghani. Tambahnya, Datin Paduka Aishah masih mampu memegang jawatan itu dan telah menyuarakan hasratnya untuk kekal sebagai ketua bagi pilihanraya akan datang. Beliau menyeru ahli-ahli Umno yang dicalonkan bagi pertandingan itu supaya mempertimbangkan semula hasrat mereka untuk menentang pemimpin pergerakan itu sekarang. — Bernama.